



# **TEKS UCAPAN PROGRAM HARI DENAI ALAM SEMPENA PENGHIJAUAN MALAYSIA : KOPERASI PRIHATIN SEJUTA POKOK**



**17 DISEMBER 2022 (SABTU)  
8.00 PAGI  
DENAI ALUR ILMU,  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(UKM)**

---

Bismillahirrahmanirrahim



Assalamualaikum Warahmatullahi Taala  
Wabarakatuh

**(Protokol Sapaan disediakan semasa  
majlis)**



## Para hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA, kita semua dapat berkumpul seawal pagi ini bagi menjayakan satu lagi agenda



kerajaan untuk melestarikan alam sekitar menerusi **Hari Denai Alam: Melestarikan Alam 2022.**

2. Program ini dilaksanakan bersempena dengan agenda



**Penghijauan Malaysia dan inisiatif Koperasi Prihatin Sejuta Pokok** yang merupakan salah satu usaha ANGKASA selaku badan apeks gerakan koperasi bersama-sama anggotanya dalam menggalakkan usaha kesedaran alam sekitar melalui kempen penanaman sejuta pokok.



3. Hari ini kita cukup bertuah kerana kesudian **Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad** meluangkan masa untuk



bersama – sama dengan kita semua  
demi menjayakan agenda  
**Penghijauan Malaysia.**

4. Setinggi – tinggi penghargaan dan syabas diucapkan kepada semua pihak iaitu Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia,





Kursi Kelestarian UKM-YSD (Yayasan Sime Darby), Koperasi UNIKEB Berhad , Sahabat Sungai Malaysia (FORM) dan Taman Botani Bangi atas kesudian untuk menggembleng usaha dan tenaga bersama – sama ANGKASA



bagi menjayakan program pada hari ini. Konsep kerjasama inilah yang menggambarkan jati diri dan semangat berkoperasi yang ada dalam hati Nurani.

5. Program ini disemarakkan lagi dengan penglibatan



**53 orang sukarelawan** CoopCare ANGKASA dan anggota Koperasi Institut Pengajian Tinggi (IPT) dari KOPERASI SISWA USIM BERHAD, KOPERASI KEUSAHAWANAN PELAJAR UIAM SELANGOR BHD DAN KOPERASI



SISWA UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA yang akan berganding bahu bersama-sama para pelajar UKM untuk aktiviti gotong-royong dan penanaman pokok pada pagi ini.



## Para hadirin yang dihormati,

6. Usaha penanaman sejuta pokok ini telah dimulakan pada tahun 2021 di mana pada tahun tersebut ANGKASA



mencapai umur Jubli Emasnya apabila secara rasminya ditubuhkan pada 12 Mei 1971. Tugas ANGKASA pada dasarnya merangsang pembangunan perniagaan koperasi di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh



kerajaan, adalah menjadi  
tanggungjawab ANGKASA untuk  
melaksanakan salah satu Prinsip  
Koperasi iaitu Mengambil Berat  
Terhadap Masyarakat yang



melengkapi agenda Matlamat Pembangunan Mampan (**SDG2030**)

**7. Program Penghijauan Malaysia : Koperasi Prihatin Sejuta Pokok** bukan hanya retorik. Saya yakin dan percaya lebih 15,000 buah koperasi dengan keanggotaan 7.04 juta orang di seluruh





negara khususnya warga koperasi sekolah, koperasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan koperasi komuniti serta anggota masyarakat mampu menjayakannya.



8. Pelbagai program penanaman pokok telah dilaksanakan sejak pelancaran program ini pada 17 Julai 2022 di Taman Botani Negara Shah Alam. Sehingga kini terdapat **20 program** Koperasi Prihatin Sejuta Pokok yang telah dilaksanakan di seluruh negara sempena sambutan 100 tahun



gerakan koperasi di Malaysia yang berjaya menanam hampir **4,000 batang pokok pelbagai spesies.**

9. Kerjasama ANGKASA dengan Institut Perubahan Iklim, UKM, Yayasan



Hijau Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan juga memberi fokus kepada pemuliharaan hutan terosot. Projek Hutan Angkat ANGKASA di Hutan Simpan Sungai Lalang menempatkan 312 batang pokok hutan dari 9 spesies yang dipantau



secara berkala bagi mendapatkan pelaporan impak penanaman semula pokok. ANGKASA juga diberi ruang seluas 10 hektar di Hutan Simpan Sungai Besi Tambahan untuk melaksanakan penanaman semula



pokok hutan menerusi sumbangan koperasi.

10. Salah satu elemen penting dalam output program ini adalah **elemen pendidikan** menerusi modul Pendidikan dan Pembelajaran “**Sejuta Pokok Segunung Harapan**” untuk



dimanfaatkan oleh **2,473 koperasi sekolah** di seluruh Malaysia dengan keanggotaan berjumlah kira-kira **1.98 juta anggota individu**. Modul ini diterbitkan secara kolaborasi antara ANGKASA dan Universiti Kebangsaan



Malaysia (UKM) dan pengajaran modul ini dibuat menerusi **Bengkel Training of Trainers (ToT)** yang dilaksanakan oleh ANGKASA dan UKM dengan anggota koperasi sekolah dan koperasi IPT.





11. Kerjasama erat dengan ANGKASA dengan pihak **International Co-operative Alliance - Asia Pacific (ICA-AP)** dan Badan Induk Koperasi Global, **International Cooperative Alliance (ICA)** juga akan dimanfaatkan



dengan mempromosikan program ini di peringkat antarabangsa menerusi tajaan pokok yang boleh dibuat di laman sesawang **sejutapokok.coop** Kerjasama dengan rakan digital: MYISCO Sdn Bhd menerusi aplikasi MCASH turut menawarkan penyertaan orang awam untuk membuat tajaan



secara dalam talian. Pelbagai kaedah akan kita laksanakan untuk memastikan program ini disebarluas bagi mencapai objektifnya.

**Para hadirin yang dihormati,**



12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad** atas sokongan dan perhatian yang diberikan untuk menjayakan



agenda nasional ini. Terima kasih kepada semua pihak serta para sukarelawan yang memberi komitmen tinggi untuk masa hadapan yang lebih lestari. Apa yang ada perlu dikekalkan dan kurang harus ditambah baik demi



menjaga warisan yang amat bernilai ini.

**"BEKERJA BERSAMA-SAMA DEMI  
MANFAAT BERSAMA"**

Sekian, terima kasih.



## **OPTIONS: (DATUK SERI JEMPUT YB MENTERI UNTUK BERUCAP)**

Dengan ini, saya menjemput **Menteri  
Sumber Asli, Alam Sekitar dan**



**Perubahan Iklim, Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad** untuk menyampaikan ucapan beliau.

Dengan segala hormatnya dipersilakan.